



Tarikh: 12 November 2020

No. Ruj.: MPC.....

Q Ideas Solution

97 Jalan PUJ 4/13

Taman Puncak Jalil

43300 Seri Kembangan, Selangor

(U.P: Mohd Rizal Ayob)

Tuan,

**LANTIKAN PEMBEKAL PERUNDINGAN /COACHING PROGRAM
INDUSTRY4WRD READINESS ASSESSMENT (RA) 2020**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah diberi mandat untuk menjadi sekretariat Industry4WRD Readiness Assessment (RA) untuk membantu 950 buah syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) beralih kepada teknologi industri 4.0 bermula dari tahun 2019 (500 PKS) sehingga 2020 (450 PKS).

3. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan syarikat Q Ideas Solution telah dipilih dan dilantik sebagai pembekal perundingan / *coaching* dalam pelaksanaan program ini. Tujuan utama pelantikan ini adalah seperti berikut:

- i. Membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) beralih kepada Teknologi Industri 4.0;
- ii. Menyampaikan maklumat Readiness Assessment untuk menggunapakai Teknologi Industri 4.0 yang digariskan dalam Dasar Industry4WRD; dan
- iii. Meluaskan outreach mengenai RA ke arah mencapai sasaran 450 syarikat bagi tahun 2020.

4. Untuk makluman, pelantikan ini melibatkan kos sebanyak RM2,800. Dilampirkan senarai Skop Tugasan Pembekal (Lampiran I).

5. Sekiranya tuan/puan bersetuju dengan pelantikan ini, tuan/puan perlu melengkapkan dan mengembalikan Akuan Setuju Terima (Lampiran II) untuk tindakan pihak kami selanjutnya.

5. Sekiranya ada sebarang pertanyaan, tuan/puan boleh menghubungi pihak sekretariat Pn. Nor Idayuniza Rahmat (012-9254820) atau En. Mohamad Nor Bolhi (011-11713046) atau email ayu@mpc.gov.my / mohamadnor@mpc.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SALIZA SAARI)

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kecemerlangan Organisasi
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

LAMPIRAN I

SKOP TUGASAN PEMBEKAL PERUNDINGAN /COACHING PROGRAM INDUSTRY4WRD READINESS ASSESSMENT (RA) 2020

1. Melaksanakan sesi perundingan / *coaching* secara *online RA* kepada 25 syarikat yang diberikan kepada setiap pembekal
2. Pembekal perlu memastikan syarikat yang bersetuju menyertai RA melengkapkan borang permohonan *Readiness Assessment (RA)* serta mengesahkan maklumat syarikat dari borang permohonan *Readiness Assessment (RA)* mengikut garis panduan yang akan diberi oleh MPC.
3. Sesi online RA coaching kepada 25 syarikat perlu dilaksanakan sebelum atau pada 10 Disember 2020.
4. Kos lantikan bagi setiap pembekal berjumlah RM2,800. Pembayaran akan dibuat bagi setiap sesi online dan perlu disertai dengan penglibatan sekurang-kurangnya 3 buah syarikat dan jumlah terkumpul adalah 25 buah syarikat bagi keempat-empat sesi.
5. Dokumen sokongan seperti gambar sesi online berserta tarikh/hari, masa atau rakaman sesi online perlu disertakan ketika tuntutan pembayaran.

SURAT SETUJU TERIMA

Ruj.:

Tarikh:

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.
(U.P.: Pn Nor Idayuniza Rahmat)

Puan,

**AKUAN SETUJU TERIMA SEBAGAI PEMBEKAL LANTIKAN PEMBEKAL
PERUNDINGAN / COACHING PROGRAM INDUSTRY4WRD READINESS
ASSESSMENT (RA) 2020**

Saya No. K/P:..... dari syarikat
.....bersetuju dilantik sebagai **PEMBEKAL
PERUNDINGAN / COACHING PROGRAM INDUSTRY4WRD READINESS
ASSESSMENT (RA) 2020**

2. Saya berjanji akan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan baik dan memenuhi kehendak MPC.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :

